

BAB 2

FESTIVAL FILEM, BUDAYA PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN FESTIVAL

PENGENALAN

Setiap penganjuran acara di peringkat kebangsaan atau negara, selalunya melibatkan kumpulan pentadbir dari organisasi lain yang turut serta mengendalikannya. Organisasi ini sudah pasti mempunyai budaya kerja yang tersendiri. Apabila digabungkan kedua-dua atau lebih organisasi untuk menjayakan sesuatu acara, maka akan berlaku pertembungan dua budaya kerja yang berbeza. Perbezaan ini boleh menyebabkan salah satu pihak cuba menguasai pihak yang lagi satu dan satu pihak lain kecewa dan sukar memberikan kerjasama. Mungkin juga berlaku kedua-dua pihak mengamalkan budaya yang sama atau hampir-hampir sama hingga mampu menggabungkan tenaga dan minda sebagai satu pasukan kerja yang dinamik.

Dalam FFVPM7, dua organisasi utama yang terlibat adalah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan Universiti Malaysia Perlis. Bab ini akan menjelaskan latar belakang kedua-dua organisasi ini, sistem pengurusan dan pentadbiran yang diamalkan dan pendekatan yang diambil untuk menggabungkan tenaga dan pemikiran bagi menjayakan sebuah festival filem yang berjaya dan

menepati piawaian FINAS sebagai perbadanan yang mewakili kerajaan pusat. Bab ini juga memaparkan sejarah FFVPM dan mengapa ia penting dalam pembangunan filem Malaysia.

FINAS DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI FILEM

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) terbentuk dalam tahun 1981 atas kesedaran untuk mencari pendekatan yang paling sesuai bagi memajukan perusahaan filem di Malaysia. Keputusan ini dibuat melalui keputusan Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional yang diwujudkan pada 26 Julai 1980. Dengan menggunakan Akta FINAS 1981 (Akta 244), Ismail Zain, pengarahnya yang pertama nampak bahawa salah satu sebab yang menghantui kelembapan pembangunan filem Melayu ialah masyarakat yang boleh menjadi penyokong industri ini berada sangat jauh daripada lingkungan aktiviti perfileman tanah air. Maka, atas sebab ini wujudnya slogan, 'Memasyarakatkan Filem Malaysia' dan kemudiannya 'Cintai Filem Malaysia'.

Selain menyokong sebarang aktiviti pendidikan perfileman, FINAS juga mendapati penganjuran aktiviti festival filem adalah salah satu cara yang boleh memberikan impak kepada kesedaran masyarakat mengenai peri pentingnya filem untuk dijadikan perusahaan. Masyarakat bukan sahaja diperlukan menyokong untuk menjadi penonton tetapi sebagai peserta aktif dalam pembuatan filem. Inilah cabaran utama yang dihadapi oleh FINAS sejak awal kewujudannya pada tahun 1981 iaitu untuk memasyarakatkan filem dan untuk menjadikan masyarakat mencintai filem Malaysia.